



ZAINI AHMED / BERITA HARIAN

JASA DIKTIRAF: Abdullah mengalungkan anugerah Melayu Terbilang kepada Shamsuddin, sambil diperhatikan Najib sempena sambutan Ulang tahun Umno ke-60 di Istana Besar Johor, semalam.

BH - 12/05/66

Shamsuddin tokoh Melayu Terbilang

JOHOR BAHRU: Sebagai penghargaan terhadap jasanya dalam bidang teknologi komunikasi, Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sapura, Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir dianugerahkan Tokoh Melayu Terbilang.

Penganugerahan sempena ulang tahun Umno ke-60 itu disampaikan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada Shamsuddin disaksikan kira-kira 60,000 ahli Umno dari seluruh negara.

Shamsuddin menerima satu loket emas serta wang tunai RM100,000 yang kemudian beliau sumbangkan kepada yayasan yang menguruskan biasiswa anak yatim.

Beliau adalah tokoh korporat yang bertanggungjawab membawa teknologi telekomunikasi ke Malaysia melalui lesen pembuatan kelengkapan telefon, telefon awam menggunakan syiling dan kad telefon.

Selain itu, beliau juga memulakan jabatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Sapura Holdings untuk membangunkan produk telekomunikasi untuk pasaran tempatan serta eksport.

Antara produk awal yang berjaya dikeluarkan syarikat berkenaan termasuk telefon S2000, telefon berbayar, telefon menggunakan kad dan sistem alat kelui dan sistem telefon luar bandar.